

Empat tanda alami masalah mental

Ramai tidak mengetahui penyakit kemurungan yang mengakibatkan masalah kesihatan mental bukan saja dialami oleh orang dewasa, malah kanak-kanak. Disebabkan itu, ada antara ibu bapa yang tidak mengambil berat sekiranya anak-anak mereka mengalami masalah berkenaan sehingga lewat mendapatkan rawatan susulan.

Sejauh mana seriusnya perkara ini dan apa yang menyebabkan kanak-kanak mengalami masalah mental. Wartawan NURUL HUDA HUSAIN mengupas isu berkenaan.

SHAH ALAM

LAPORAN KHAS

masalah mental dewasa juga sebenarnya bermula sebelum usia 14 tahun.

“Gejala kanak-kanak yang berdepan penyakit itu bergantung kepada masalah dihadapi serta tahap perkembangan dalam tempoh tumbesaran.

“Di sinilah pentingnya semua ibu bapa meningkatkan pengetahuan masing-masing tentang bagaimana masalah kesihatan mental ini berlaku. Sebagai contoh, bagaimana untuk mengenal pasti kemurungan, tekanan atau masalah autisme anak-anak bagi membolehkan rawatan diberikan,” katanya.



Ibu bapa perlu memantau perkembangan anak-anak. - Gambar hiasan

Beliau berkata, ada setengah ibu bapa lambat memberikan rawatan bukan sebab mahu menafikan anak-anak menghidap masalah mental tetapi sebenarnya mereka tidak tahu itu adalah penyakit.

“Contohnya, apabila anak-anak tidak mahu pergi ke sekolah, tidak berselera untuk makan, ibu bapa mungkin anggap itu perkara biasa sedangkan mungkin anak-anak mengalami kemurungan dan boleh jadi tanda masalah mental,” katanya ke-

pada *Sinar Harian*.

Jelas Rozanizam yang juga Felo Psikiatri Kanak-kanak dan Remaja Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA) Pahang, kemahiran meluas keibubapaan dalam kalangan ibu bapa, ditambah amalan komunikasi yang baik mampu membendung seseorang kanak-kanak itu mengalami penyakit ‘senyap’ yang boleh mendatangkan risiko bahaya kepada diri sendiri dan orang sekeliling.

“Ilmu keibubapaan ini sangat mudah di mana ia perlu diseimbangkan antara kasih sayang dan disiplin kepada anak-anak. Adakala kita sayang atau

manjakan, ada masa kita kena tegas. Ia tidak boleh terlebih dan terkurang tetapi kena seimbang-kan,” katanya.

Tambahnya, kebanyakan kanak-kanak yang dikenal pasti mengalami masalah kesihatan mental tidak mendapatkan rawatan susulan dengan baik atas pelbagai faktor.

“Secara umum kita tahu 10 hingga 15 peratus kanak-kanak berdepan risiko masalah kesihatan mental. Jumlah yang mendapatkan rawatan di pusat-pusat bantuan seperti hospital dan klinik sangat rendah.

“Jika ada pun, 80 peratus daripada mereka tidak menerima rawatan sepenuhnya disebabkan tidak mendapat sokongan, tidak datang pada tarikh temu janji diberikan. Inilah masalah-masalah yang perlu kita tangani bersama,” katanya.

Selain itu, katanya, masyarakat perlu memperbetulkan stigma bahawa masalah penyakit mental sama seperti mana penyakit lain yang memerlukan rawatan doktor pakar.

Beliau sehubungan itu berkata, sudah tiba masanya kerajaan melihat masalah kesihatan mental sebagai isu utama, bukan isu bermusim atau jarang berlaku memandangkan kadar kanak-kanak yang diancam penyakit itu sentiasa meningkat.

